



JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

**FESTIVAL MERAKYATKAN SENI BUDAYA JONKER WALK:
USAHASAMA KOMUNITI, MOTAC DAN KERAJAAN NEGERI MELAKA
MENJELANG TAHUN MELAWAT MELAKA 2024**

13 Julai 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka dan Persatuan Peranakan Baba Nyonya Malaysia (PERANAKAN), Jawatankuasa *Jonker Walk* serta Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Melaka (JKKNM) menganjurkan program Merakyatkan Seni Budaya @ *Jonker Walk* pada 28, 29 dan 30 Julai 2023 bertempat di *Jonker Walk*, Melaka.

Menerusi tema “Warisan Akar Umbi”, Festival Merakyatkan Seni Budaya bermatlamat memupuk nilai-nilai murni dan semangat kerjasama dalam kalangan komuniti khususnya di kawasan *Jonker Walk* yang merupakan tapak warisan dunia UNESCO dalam usaha memulihara dan mengekalkan warisan seni budaya negara.

Program ini antara lainnya bertujuan untuk memastikan seni budaya warisan negara dapat dipentaskan dan dipersembahkan di peringkat akar umbi ke seluruh negara untuk dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Di samping itu jua, dapat memperkasakan program dengan menyantuni aktiviti-aktiviti silang budaya antara negeri mahupun wilayah, menyemai semangat kebanggaan terhadap seni, budaya dan warisan tempatan apresiasi dalam kalangan masyarakat terutama generasi muda serta menyemarakkan semula industri pelancongan negara dengan isian seni dan budaya.

Hal ini adalah bersesuaian dengan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) yang menetapkan hala tuju untuk menjadi Malaysia sebagai Negara Maju Rakyat Berbudaya

bersandarkan pendekatan budaya nilai tinggi yang ditunjangi tiga (3) elemen utama iaitu tatasusila, tatacara dan tahap keintelektualan serta amalan nilai-nilai murni.

Festival Merayakan Seni Budaya (FMSB) 2023 ini merupakan usaha bersama diantara Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Kerajaan Negeri Melaka serta diselaraskan secara bersama oleh JKKNM, PERANAKAN dan Jawatankuasa *Jonker Walk* disamping turut melibatkan para pengusaha premis pelancongan, jawatankuasa rumah ibadat - Jalan Harmoni atau dahulunya dikenali sebagai Jalan Tukang Emas di Melaka, yang terkenal dan unik dengan kewujudan rumah ibadah tiga agama utama dunia, berdiri sebelah menyebelah dan dikunjungi oleh penganut agama masing-masing secara harmoni sehingga kini. Jawatankuasa melibatkan Masjid (Masjid Kampung Kling), kuil (Kuil Sri Poyatha Vinagara Moorthy) dan tokong (Cheng Hoon Teng Temple) terletak sebelah menyebelah di jalan yang sama. Ketiga-tiga rumah ibadat ini turut sama dalam jawatankuasa penganjuran acara dan apa yang lebih unik, ketiga-tiganya adalah antara rumah ibadat yang tertua dan masih berfungsi sebagai rumah ibadat di Malaysia.

Festival ini melibatkan pengisian utamanya iaitu Kenduri Muhibbah: Makan Ala 'Tok Panjang' (Istilah masyarakat peranakan tempatan melibatkan jamuan makan beramai-ramai di atas meja jamuan yang panjang) di pekarangan Pentas Opera yang berusia ratusan tahun, di hadapan Tokong Cheng Hoon Teng, Jalan Harmoni, Melaka. Malah Acara Gotong-royong turut menjadi antara pengisian muhibbah melibatkan komuniti, para peniaga dan jawatankuasa berkaitan.

Selain itu jua, turut diadakan Kelas-Kelas Dialek Peranakan (Dialek Baba Nyonya Melaka dan Portugis, Demonstrasi Masakan Baba Nyonya, Persembahan Kesenian yang melibatkan Silang Budaya antara Melaka, Johor, Sabah dan Negeri Sembilan (Showcase Sepetang di *Jonker Walk* & Konsert Irama Kita FMSB @*Jonker Walk*), Acara Senam Sihat melibatkan Senam Seni, Tai Chi dan Aerobik, Pameran dan Jualan Seniaga Melaka serta 'Kebaya On The Go' iaitu usaha mempromosikan pemakaian busana kebaya di lokasi-lokasi menarik di sekitar *Jonker Walk* dan *Stadhuys*, Melaka.

Menerusi program Silang Budaya, antara Kumpulan Kesenian yang terlibat dari Melaka ialah Kumpulan Keroncong Peranakan Melaka, The Siblings Band Melaka, Kumpulan Kesenian Kebudayaan Baba Nyonya Melaka, Trio Peranakan Melaka, Kumpulan

Kesenian JKKN Melaka dan Negeri Sembilan (Canang Sendeng Cak Lempong), Persatuan Chin Woo, Melaka, Kumpulan Tarian Singa dan Tarian Naga Jonker Walk, Melaka, Persatuan Barongan dan Kuda Kepang Kampung Parit Bugis, Muar, Johor serta Kiawaiian Dance Club, Tambunan, Sabah.

Selain itu jua FMSB @Jonker Walk 2023 turut menampilkan persembahan artis popular negara seperti Dato' Andre Goh, Suki Low, Dr. Soo Winci, Amir Masdi dan Vince Chong. Melalui FMSB @Jonker Walk 2023 ini juga diharap berupaya menyumbang kepada peningkatan ekonomi berlandaskan produk seni budaya di Melaka. Program ini juga akan menjadi satu asas mendekatkan khalayak seni budaya dengan pemimpin setempat dalam menjayakan falsafah Malaysia MADANI yang diinspirasi oleh kerajaan perpaduan.

MOTAC berharap dapat menjayakan aspirasi negara untuk mengangkat aset-aset warisan seni budaya tidak ketara yang bersesuaian melalui pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Usaha ini adalah penting bagi memastikan kesinambungan, keunikan dan keaslian yang diwarisi terus terpelihara selaras dengan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) di samping menyemarakkan lagi usaha promosi Tahun Melawat Melaka 2024 yang bakal menjelang. Program ini juga selaras dengan usaha Kerajaan Negeri Melaka menjadikan negeri Melaka sebagai destinasi pelancongan sejarah, warisan dan budaya utama di Malaysia di samping menyokong usaha untuk menarik 8.4 juta pelancong ke negeri Melaka dengan tempoh bermalam selama tiga (3) malam pada tahun 2023

FMSB @Jonker Walk 2023 dijangka akan dirasmikan secara bersama oleh YAB Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, Ketua Menteri Melaka dan YB Datuk Seri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya serta turut disambut oleh YB Datuk Abdul Razak bin Abdul Rahman, Exco Pelancongan, Warisan Seni dan Budaya Negeri Melaka juga YBhg. Datuk Ronald Gan Yong Hoe, Presiden Persatuan Peranakan Baba Nyonya Malaysia (PERANAKAN), Tuan Mohd. Amran Mohd. Haris, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan Cik Ezlina binti Alias, Pengarah JKKN Melaka. Para tetamu kehormat juga dijangka akan berarak menaiki beca Melaka bagi melihat situasi di Kawasan warisan dunia di *Jonker Walk* sambil diiringi Kumpulan Kompang SJK (C) Bukit Beruang, Melaka, Pasukan Tarian Singa, Pasukan Brass Band dari SMK St. Francis Melaka serta Pasukan Barongan dan Kuda Kepang dari Muar, Johor.

Orang ramai bolehlah mengikuti laman *fan page facebook, Instagram* dan *Tiktok* : JKKN Melaka FanPage untuk mengikuti pelbagai perkembangan FMSB @Jonker Walk 2023.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac